



DIDAKWA: Leong (dua kiri) diiringi oleh anggota polis setelah didakwa di Mahkamah Majistret, kelmarin. — Gambar IPD Sibu

Lelaki mengaku tidak bersalah memandu secara melulu dan berbahaya, rempuh enam kenderaan

SIBU: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini kelmarin atas pertuduhan memandu secara melulu dan berbahaya sehingga terlibat dalam kemalangan membabitkan enam kenderaan lain di Jalan Dr Wong Soon Kai pada 12 Mac lepas.

Tertuduh, Andy Leong Khai Sheng, 24, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Oon Kork Chern yang kemudian membenarkan tertuduh bebas dengan ikat jamin RM5,000 dengan dua penjamin.

Terdahulu, Leong yang memandu sebuah kereta didakwa memandu secara melulu dan berbahaya iaitu secara 'zig zag' pada 12 Mac 2026, jam lebih kurang 9.48 malam di Jalan Dr Wong Soon Kai, sebelum merempuh enam kenderaan lain.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang sabit kesalahan boleh dipenjarakan tidak lebih lima tahun dan denda tidak kurang RM5,000 serta tidak lebih RM15,000.

Dalam pada itu, Leong turut didakwa atas satu pertuduhan menyalahgunakan dadah jenis Amphetamine, Methamphetamine dan Ketamine ketika di Mahkamah Balai Polis Sungai Merah pada 12 Mac 2026, kira-kira jam 11.10 malam.

Bagi pertuduhan ini, ter-

tuduh didakwa mengikut Seksyen 15(1)(A) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15(1) Akta yang sama, yang memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM5,000 atau penjara tidak lebih dua tahun.

Bagaimanapun tiada pengakuan diambil daripada tertuduh bagi pertuduhan ini memandangkan laporan patologi masih belum diperolehi.

Tertuduh dibenarkan bebas dengan ikat jamin RM3,000 dengan dua penjamin tempatan yang mempunyai pendapatan bulanan tidak kurang RM2,000.

Mahkamah dalam pada itu turut menetapkan 21 Mei ini sebagai tarikh pengurusan bagi kedua-dua kes.

Kejadian yang tular di media sosial menunjukkan sebuah kereta yang dipandu tertuduh sedang bergerak menuju ke arah persimpangan lampu isyarat di Jalan Dr Wong Soon Kai.

Ketika menghampiri persimpangan tersebut, kenderaan berkenaan dipercayai gagal berhenti di lampu isyarat sebelum merempuh enam kenderaan lain yang berada di hadapannya.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Keshava Rao A/L Therman Raja, sementara tertuduh diwakili peguam Yap Hoi Liong dan Ben Lau Le Bin.